



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65

Bil. 3

2hb Februari 2012

TAMBAHAN No. 3
PERUNDANGAN

Pk. P.U. 5.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] Pihak Berkuasa Negeri Perak Darul Ridzuan membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2012.**

(2) Undang-undang kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan undang-undang kecil 2

2. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1988 [Pk.P.U. 21 tahun 1988], yang disebut "Undang-Undang Kecil ibu" dalam Undang-Undang Kecil ini; dipinda dengan memasukkan selepas takrif "siling" takrif yang berikut:

"SPAHS" ertinya "Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan" di mana air hujan dikumpul daripada bumbung dan kemudiannya disalurkan ke tangki-tangki penyimpanan air hujan sebelum digunakan;"

Pindaan Undang-undang kecil 10

3. Subperenggan 10(1)(a) Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkara (ix) perkara yang berikut:

- "(x) lokasi tangki air hujan;
- (xi) elemen SPAH seperti sistem perpaipan, tangki air hujan, pam air dan sebagainya (yang diperlukan untuk memasang SPAH) yang berkaitan perlulah ditunjukkan dengan jelas di dalam pelan jenis-jenis bangunan seperti berikut:
 - (a) berhubung dengan bangunan kediaman, SPAH perlu dipasang hanya untuk rumah banglo dan rumah berkembar yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100 m² sahaja; dan
 - (b) berhubung dengan semua kategori bangunan berasingan yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100 m²".

Pindaan undang-undang kecil 25

4. Perenggan 25(c) Undang-Undang kecil ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "dan" selepas perkataan "air", dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "elektrik" perkataan "dan komunikasi"

Pindaan undang-undang kecil 27

5. Perenggan 27(1) Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "dan" selepas perkataan "air"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "elektrik" perkataan "dan komunikasi".

Penggantian undang-undang kecil 115

6. Undang-Undang kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 115 dengan undang-undang kecil yang berikut:

"(1) Semua bumbung bangunan hendaklah dibina supaya boleh disalurkan dengan berkesan kepada saluran, talang, pelongsor atau palong dan SPAH (bagi bangunan yang dikehendaki untuk memasang SPAH) yang mencukupi yang hendaklah disediakan mengikut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil ini bagi menerima dan membawa semua air yang mungkin jatuh di atas dan daripada bumbung itu.

(2) bagi bangunan yang dikehendaki memasang SPAH, reka bentuk dan pembinaan SPAH hendaklah mengikuti keperluan seperti berikut:

- (a) air hujan tidak boleh memasuki tangki bekalan air awam. Air daripada bekalan air awam boleh memasuki tangki air hujan dengan dilengkapkan dengan suatu injap penahan aliran balik sehalau atau berakhir sekurang-kurangnya pada 225mm di atas paras limpah tangki simpanan SPAH.

- (b) alur keluar SPAH hendaklah ditanda "**Bukan untuk Tujuan Minuman atau Mandian**" dengan jelas.
- (c) palong yang digunakan mempunyai kecerunan yang secukupnya supaya air tidak bertakung.
- (d) paip air hujan hendaklah bewarna hijau"

Dibuat 30 Disember 2011

[PSUK.PK (KT)900/1; PU.PK.67/71-34 Jld.2]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Perak Darul Ridzuan